

LEMBARAN PENYATAAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Penyataan Produk (LPP) ini akan memberikan anda maklumat utama mengenai pembiayaan peribadi anda. Pelanggan lain telah membaca LPP ini dan mendapati ia sangat membantu. Oleh itu, anda juga perlu membacanya untuk memahami dengan lebih lanjut tentang produk ini.



AmBank Islamic

Tarikh:

1. Apakah produk Pembiayaan Peribadi-i?

Pembiayaan Peribadi-i adalah kemudahan pembiayaan peribadi yang mematuhi konsep Syariah untuk Kakitangan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-Badan Berkanun yang boleh membuat pemotongan gaji melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA). Kadar keuntungan untuk pembiayaan ini adalah berdasarkan kadar tetap dengan tempoh pembiayaan sehingga 10 tahun.

Konsep Syariah yang digunapakai adalah Tawarruq yang melibatkan dua perjanjian jual beli. Perjanjian jual beli yang pertama melibatkan penjualan komoditi oleh Bank kepada anda secara pembayaran tertangguh pada kos ditambah keuntungan dimana harga belian dan harga jualan akan dimaklumkan kepada anda. Seterusnya anda melalui Bank sebagai ejen akan menjual komoditi yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan segera. Hasil jualan komoditi tersebut akan dibayar kepada anda selaras dengan terma dan syarat yang telah dipersetujui.

2. Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk pembiayaan peribadi ini, sebagai ilustrasi:

- Jumlah pembiayaan anda : RM 100,000
- Harga Jualan Bank adalah : RM 142,560
- Bayaran bulanan anda : RM 1,212
- Tempoh pembiayaan anda : 10 tahun
- Kadar Keuntungan Tetap : 4.25 % setahun
- Kadar Keuntungan Efektif : 7.51% setahun

Jumlah bayaran keseluruhan yang perlu anda jelas kan sepanjang tempoh pembiayaan selama **10 tahun** adalah sebanyak **RM 142,560**.

la adalah tanggungjawab anda untuk :



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam **Terma & Syarat** sebelum anda menandatangani.



Anda perlu membuat bayaran bulanan anda tepat pada masanya dan secara penuh selama **10 tahun**. Hubungi kami jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan anda dengan lebih awal



Hubungi kami dengan segera jika anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.

Anda perlu membayar yuran dan caj seperti berikut:

- Duti Setem : 0.5% daripada amaun kemudahan
- Sumbangan Takaful : tertakluk kepada amaun kemudahan, tempoh pembiayaan dan umur anda (jika berkenaan)
- Yuran Bulanan BPA : 2% daripada bayaran bulanan Bank, akan dikenakan ke atas anda setiap bulan oleh BPA.
- Caj lewat bayar :

No	Tempoh Berkenaan	Kadar Caj Lewat Bayar	Ke atas Amaun
1	Sebelum tarikh matang	1% setahun dikira atas dasar baki harian	i. Ansuran tertunggak, di mana ia akan dikira selepas tarikh akhir sehingga penyelesaian penuh ansuran tertunggak dan/atau; ii. Baki tertunggak, yang dikira dari tarikh pembatalan sehingga penyelesaian penuh baki tertunggak.
2	Selepas tarikh matang	Kadar Semasa Pasaran Wang Antara Bank secara Islam ("IIMM") setahun dikira atas dasar baki harian	Baki tertunggak yang dikira dari tarikh matang sehingga penyelesaian penuh
3.	Apabila Bank telah mendapat penghakiman terhadap anda	Pada Kadar IIMM setahun yang dikira atas dasar baki harian dari tarikh penghakiman mahkamah sehingga tarikh penyelesaian	Baki tertunggak (tidak termasuk kos guaman dan caj lewat bayar seperti yang dinyatakan di dalam penghakiman) yang dikira dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh jumlah penghakiman.

Jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan anda dengan lebih awal, anda perlu tahu:

- i. Anda perlu memaklumkan kepada pihak bank sekurang-kurangnya satu (1) bulan lebih awal secara bertulis di mana-mana cawangan AmBank/AmBank Islamic untuk memudahkan proses penyelesaian awal.
- ii. Bank akan memberi rebat (ibra'), sekiranya ada, ke atas baki amaun Harga Jualan Bank yang masih belum dijelaskan oleh anda berdasarkan kepada penyelesaian penuh Kemudahan.
- iii. Ibra' (rebat) akan dikira berdasarkan formula di bawah atau mana-mana kaedah pengiraan lain seperti yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia: Ibra' (rebat) = keuntungan tertunda – caj penyelesaian awal (jika ada).

3. Ketahui Risiko Anda

Apa yang akan berlaku jika anda mengabaikan tanggungjawab anda?

- Anda perlu **membayar lebih secara keseluruhannya** disebabkan oleh caj lewat bayar.
- Bank berhak untuk **menolak wang** dari mana-mana akaun anda yang dibuka dengan Bank bagi menolak-selesai sebarang baki tertunggak di dalam akaun pembiayaan anda dengan memberi notis tujuh (7) hari kalendar sebelum melakukan penolakan.
- Bank berhak untuk **mengambil tindakan undang-undang** terhadap anda sekiranya anda gagal memberi maklum balas terhadap notis peringatan yang dikeluarkan dan/atau memenuhi tanggungjawab kewangan anda.
- Bank berhak melantik **agensi kutipan hutang luar** dengan memberikan notis terdahulu selama tujuh (7) hari kalendar.
- Status **penilaian kredit** anda mungkin akan terjejas dan menyebabkan permohonan kredit pada masa hadapan lebih sukar atau tinggi kosnya.

4. Terma Utama Lain

- Anda perlu memaklumkan kepada Bank tentang sebarang perubahan maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan segala urusan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk bantuan, anda boleh :
 - i. Menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan AmBank melalui: +603-2178 8888 (Isnin hingga Ahad, 7 pagi hingga 11 malam); atau
 - ii. Kunjungi cawangan AmBank Islamic/AmBank yang berhampiran; atau
 - iii. Kunjungi Unit Pengurusan Pelanggan di Tingkat 3, Menara AmBank, No. 8 Jalan Yap Kwan Seng 50450 Kuala Lumpur.
- Anda boleh melakukan prabayaran untuk pembiayaan ini dan Bank akan memberi rebat ("ibra"), sekiranya ada, ke atas Harga Jualan Bank semasa penyelesaian penuh.
- Anda digalakkan untuk mengambil Takaful Pembiayaan Peribadi Tempoh Menyusut ("TPPTM") sebagai perlindungan untuk kematian dan hilang upaya menyeluruh dan kekal. Anda boleh memilih perlindungan Takaful yang ditawarkan oleh panel Takaful Bank ataupun anda boleh memilih perkhidmatan takaful yang ditawarkan oleh syarikat Takaful lain
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu.
- Sentiasa berwaspada. Sentiasa rujuk saluran rasmi AmBank untuk setiap permohonan and kelulusan pembiayaan anda. Pelanggan boleh menghubungi AmBank melalui saluran rasmi dengan melayari <https://www.ambank.com.my/> atau e-mel kepada customercare@ambankgroup.com.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai pembiayaan peribadi anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
03 - 2178 8888



Layari laman sesawang kami di:
<https://www.ambank.com.my>



E-mel kami di:
customercare@ambankgroup.com

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Dear Customer,

This Product Disclosure Sheet (PDS) will provide you with key information about your personal financing. Other customers have read this PDS and found it very helpful. Therefore, you should also read it to gain a better understanding of this product.



AmBank Islamic

Date:

1. What is Personal Financing-i

Personal Financing-i is a Shariah-compliant personal financing facility for employees of the Federal Government, State Government, and Statutory Bodies who are eligible for salary deductions through the *Biro Perkhidmatan Angkasa* (BPA). The profit rate for this financing is based on a fixed rate and the financing tenure is up to 10 years.

The Shariah concept applied is Tawarruq, which involves two sale and purchase agreements. The first agreement involves the sale of commodities by the Bank to you on a deferred payment basis at a cost plus profit, where the purchase and selling prices will be disclosed to you. Subsequently, you, through the Bank acting as your agent, will sell the same commodities to a third party on a cash and spot basis. The proceeds from the sale of the commodities will be paid to you in accordance with the agreed terms and conditions.

2. Know Your Obligations

For this personal financing, as an illustration:

- Your financing amount : RM 100,000
- Bank Selling Price : RM 142,560
- Your monthly payment : RM 1,212
- Your financing tenure : 10 years
- Fixed Profit Rate : 4.25 % per annum
- Effective Profit Rate : 7.51% per annum

In total you will pay RM 142,560 at the end of 10 years

It is your responsibility to:



Read and understand the **key terms** in the **Terms & Conditions** before you sign



Pay your monthly instalment timely and in full for **10 years**. Speak to us if you wish to settle your financing earlier



Contact us immediately if you are unable to pay your monthly instalment

You have to pay the following fees and charges:

- Stamp Duty: **0.5%** of the financing amount
- Takaful contribution: Subject to the facility amount, financing tenure, and your age (where applicable),
- BPA Monthly Fee: **2%** of the Bank's monthly payment will be charged to you by BPA on monthly basis.
- Late payment charge:

No	Applicable Period	Late Payment Charge Rate	On the Amount
1	Prior to maturity date	1% per annum calculated on a daily balance basis	i. Outstanding instalments, where it will be calculated after the due date until full settlement of the outstanding instalment and/or; ii. Outstanding balance calculated from the date of cancellation until full settlement of the outstanding balance.
2	After maturity date	Current Islamic Interbank Money Market Rate ("IIMM") per annum calculated on a daily balance basis	Outstanding balance calculated from the maturity date until full settlement
3.	When the Bank has obtained a court judgment against you	At the IIMM rate per annum calculated on a daily balance basis from the court judgment date until the settlement date	Outstanding Balance (excluding legal costs and late payment charges as stated in the court judgement) calculated from the judgment date until full settlement of the judgment amount

If you wish to settle your financing early, you should know:

- i. You will need to notify the bank at least one (1) month in advance in writing at any AmBank/AmBank Islamic branch to facilitate the early settlement process.
- ii. The Bank will grant a rebate (Ibra'), if any, on the remaining outstanding amount of the Bank's Selling Price based on the full settlement of the Facility.
- iii. Ibra' (rebate) will be calculated based on the formula below or any other calculation method as prescribed by Bank Negara Malaysia: $Ibra' \text{ (rebate)} = \text{deferred profit} - \text{early settlement charges (if any)}$

3. Know Your Risks

What happens if you ignore your obligations?

- You will have to **pay more in total** due to late payment charges.
- The Bank reserves the right to **deduct** money from any of your accounts maintained with the Bank to set off any outstanding balance in your financing account by giving you a prior notice at least seven (7) calendar days before the set off.
- The Bank reserves the right to **take legal action** against you if you fail to respond to the reminder notice issued and/or fulfill your financial obligations.
- The Bank reserves the right to **outsource the debt collection** after giving seven (7) calendar days prior notice
- Your **credit assessment** status may be affected, making future credit applications more difficult or more costly.

4. Other Key Terms

- You are required to inform the Bank of any changes to your contact details to ensure that all correspondence reaches you in a timely manner. For assistance, you can:
 - i. Contact our Contact Centre at: +603-2178 8888 (Monday to Sunday, 7am to 11 pm); or
 - ii. Visit the nearest AmBank Islamic/AmBank branch; or
 - iii. Visit the Customer Management Unit on Level 3, AmBank Tower, No. 8 Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.
- You are allowed to make a prepayment of the Facility, and the Bank will grant rebate ("ibra), if any, on the Bank's Selling Price upon full settlement of the Facility
- You are encouraged to take the Personal Financing Reducing Term Takaful ("RTT") as protection against death and total permanent disability. You may choose the Takaful coverage offered by the Bank's panel of Takaful providers or opt for services offered by other Takaful companies.
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit has been established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counselling, financial education and debt restructuring for individuals
- Be vigilant. Always refer to our AmBank official channels for your financing application and approvals. You may contact AmBank through our official contacts found on our website <https://www.ambank.com.my/> or email to customercare@ambankgroup.com

If you have any questions or require assistance on your personal financing, you can:



Call us at:
03 - 2178 8888



Visit us at:
<https://www.ambank.com.my>



E-mail us at:
customercare@ambankgroup.com